VITAL BEST SDN BHD

lwn.

CITY FINANCE BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
RAMLY ALI PK
[SAMAN PEMULA NO: D9-24-147-2000]
24 OGOS 2000

UNDANG-UNDANG SYARIKAT: *Penggulungan - Injunksi menghalang petisyen - Samada dapat dibuat selepas tamat tempoh 21 hari - Samada prosedur di bawah s. 222 Akta Syarikat lebih sesuai - Samada petisyen mala fide, satu penyalahgunaan proses mahkamah dan satu tekanan terhadap plaintif - Imbangan kesenangan atau imbangan keadilan*

UNDANG-UNDANG SYARIKAT: *Penggulungan - Samada syarikat mengabaikan untuk membayar hutang - Alasan untuk tidak membayar tuntutan - Notis rayuan difailkan terhadap penghakiman - Prosiding halang tebus telah difailkan - Akta Syarikat 1965, s. 218(2)(a)*

Plaintif telah memfailkan saman pemula terhadap defendan memohon antara lain agar satu injunksi menghalang defendan daripada mengemukakan dan/atau mendakwa dan/atau menyampaikan dan/atau mengiklankan petisyen penggulungan terhadap plaintif berdasarkan notis dibawah peruntukan s. 218 Akta Syarikat 1965 yang telah diserahkan kepada plaintif. Peguam plaintif menghujahkan bahawa tindakan defendan yang hendak menggulung plaintif adalah *mala fide*, satu penyalahgunaan proses mahkamah dan tidak munasabah. Seterus, peguam plaintif menghujahkan bahawa plaintif tidak sama sekali mengabaikan untuk membayar ("neglect to pay") jumlah yang dituntut defendan dalam notis s. 218 tersebut. Ini adalah kerana plaintif percaya bahawa mereka mempunyai alasan yang munasabah dan berkemungkinannya berjaya dalam rayuan mereka terhadap penghakiman terus yang telah direkodkan itu. Antara isu-isu yang dibangkitkan adalah (i) samada plaintif terhalang daripada megambil tindakan untuk relif injunksi kerana permohonan hanya dibuat selepas 21 hari dari tarikh notis s. 218; (ii) samada permohonan di bawah s. 222 Akta Syarikat 1965 adalah lebih sesuai; (iii) samada tindakan defendan tidak munasabah, *mala fid*e, penyalahgunaan proses mahkamah dan merupakan satu tekanan ke atas plaintif; (iv) samada plaintif mengabai membayar tuntutan dibawah notis s. 218; dan (v) persoalan imbangan kesenangan atau imbangan keadilan.

Diputuskan:

[1] Bagi membolehkan sesuatu syarikat dianggap sebagai tidak berupaya membayar hutangnya atau tidak solven, bukan sahaja perlu dibuktikan tempoh 21 hari dari tarikh notis s. 218 diserahkan telah berlalu tetapi sebagai tambahan perlu juga dibuktikan bahawa syarikat tersebut telah mengabaikan (neglected) membayar hutang berkenaan dalam tempoh tersebut.

[2] Anggapan bahawa plaintif telah tidak berupaya membayar hutangnya mengikut s. 218(2)(a) telah dapat disangkal dan dipatahkan kerana plaintif mempunyai alasan yang munasabah untuk tidak membayar tuntutan tersebut kerana pada masa notis s. 218 diserahkan kepada mereka, mereka telahpun memfailkan notis rayuan terhadap keputusan penghakiman terus dan tambahan pula semasa dalam tempoh 21 hari dari tarikh serahan notis tersebut, defendan telah pun memfailkan prosiding halang tebus terhadap tanah-tanah yang dicagarkan untuk pinjaman berkenaan.

[3] Tidak ada salahnya di sisi undang-undang jika plaintif memohon perintah injunksi untuk menghalang defendan daripada mengemukakan dan/atau mendakwa dan/atau menyampaikan dan/atau mengiklankan satu petisyen penggulungan terhadap plaintif. Aturan 29 k. 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 membenarkan sesuatu permohonan perintah injunksi dibuat oleh mana-mana pihak sebelum atau selepas perbicaraan sesuatu kes, malahan dalam keadaan yang 'urgent' permohonan tersebut boleh dibuat secara *ex-parte* sebelum sesuatu writ atau saman pemula belum difailkan di mahkamah.

[4] Malahan adalah wajar dan kena pada tempat dan keadaannya bagi plaintif memohon perintah injunksi di peringkat ini dan tidak menunggu di peringkat pendengaran petisyen penggulungan setelah ianya difailkan dan diiklankan kerana ianya akan mengakibatkan kesan yang amat mudarat ke atas plaintif dan ianya juga akan menyebabkan kerosakan kepada reputasi plaintif yang tidak boleh dipulihkan dengan gantirugi.

[5] Tindakan defendan memfailkan petisyen penggulungan adalah *mala fide* dan satu penyalahgunaan proses mahkamah serta merupakan satu tekanan ke atas plaintif untuk membayar tuntutan tersebut.

[6] Memandangkan jika perintah injunksi diberikan terhadap defendan, satu keadaan *status quo* dapat dikekalkan sehingga isu mengenai pertikaian hutang berkenaan dapat ditentukan dan diputuskan oleh mahkamah dan defendan juga tidak diprejudiskan kepentingannya berkaitan dengan tuntutan yang dibuat terhadap plaintif. Maka, imbangan kesenangan atau imbangan keadilan lebih memihak kepada plaintif di dalam kes ini.

[Injunksi dibenarkan sehingga selesai pendengaran rayuan terhadap penghakiman terus; kos dalam kausa.]

Kes yang dirujuk:

Bina Satu Sdn Bhd v. Tan Construction [1998] 1 MLJ 533 ***(dirujuk)***
Charles Forte Investments Ltd v. Amanda [1964] 1 Ch 240 ***(dirujuk)***
Cornhill Insurance Plc v. Improvement Services Ltd [1986] 1 WLR 114 ***(dirujuk)***
Goldsmith v. Sperrings Ltd [1972] 2 All ER 566 ***(dirujuk)***
In re A Company [1894] 2 Ch 349 ***(dirujuk)***
In re Ban Hong Co Ltd [1959] 1 MLJ 100 ***(dirujuk)***
K&G Bradica Pty Ltd v. Audi Constructions Pty Ltd [1983-1984] A CLR 112 ***(dirujuk)***
Keet Gerald Francis Noel John v. Mohd Noor Abdullah [1995] 1 CLJ 293 ***(dirujuk)***
Kong Long Huat Chemicals Sdn Bhd v. Raylee Industries Sdn Bhd [1988] 6 MLJ 330 ***(dirujuk)***
Low Lee Lian v. Ban Hin Lee Bank Bhd [1997] 2 CLJ 36 ***(tidak diikuti)***
MBf Holdings Bhd v. East Asiatic Co (Malaysia) Bhd [1995] 4 CLJ 73 ***(dirujuk)***
Metal Reclaimation (Industries) Sdn Bhd v. JRC Tenaga Sdn Bhd [2000] 6 CLJ Supp 290 ***(dirujuk)***
Ng Ah Kway v. Tai Kit Enterprise Sdn Bhd [1986] 1 MLJ 58 ***(dirujuk)***
Ng Tai Tuan v. Chng Gim Huat Ptd Ltd [1991] 1 MLJ 338 ***(dirujuk)***
Re Bellador Silk Ltd [1965] 1 All ER 667 ***(dirujuk)***
Re London & Paris Banking Corporation [1874] 19 Eg 444 ***(dirujuk)***
See Teow Guan & Ors v. Kian Joo Holdings Sdn Bhd & Ors [1997] 2 CLJ 299 ***(dirujuk)***
TAC Construction & Trading v. Bennes Engineering Bhd (No. 2) [1992] 2 CLJ 518 ***(dibezakan)***
Wu Shu Chen (Sole Executrix of the Estate of Goh Keng How, Deceased) v. Raja Zainal Abidin Raja Hussin [1996] 2 CLJ 353 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Akta Syarikat 1965, ss. 218(2)(a), 222
Kanun Tanah Negara 1965, s. 254
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 14 k. 3, A. 29 k. 1, A. 56 k. 1(4)

Sumber lain yang dirujuk:
Buckley On The Companies Act, 13th edn ms 451
Winding-Up A Company On Inability To Pay Debts, Wong Kim Fatt, [1988] 3 MLJ

Bagi pihak plaintif - Micheal Teo; T/n Azman, Davidson & Co
Bagi pihak defendan - Hamidah Arshadi (Mohd Fazis Othman bersamanya)

Dilaporkan oleh Izzaty Izzuddin

PENGHAKIMAN

Ramly Ali PK:

Pendengaran di dalam kes ini melibatkan dua permohonan dalam saman pemula yang berasingan iaitu saman pemula no. D9-24-146-2000 dan saman pemula no. D9-24-147-2000 yang telah disatukan pendengarannya atas persetujuan semua pihak. Kedua-dua saman pemula tersebut melibatkan plaintif yang berasingan, tetapi defendan yang sama. Plaintif di dalam saman pemula no. D9-24-147-2000 adalah merupakan seorang peminjam (plaintif 1) kepada satu pinjaman kewangan yang telah diberikan oleh defendan, manakala plaintif di dalam saman pemula no. D9-24-146-2000 adalah penjaminnya (plaintif 2).

Fakta Kes

Defendan telah memberikan kepada plaintif 1 satu kemudahan pinjaman bertempoh sebanyak RM7.8 juta dan satu kemudahan pinjaman pemula sebanyak RM2 juta. Pinjaman tersebut dijamin oleh plaintif 2. Perjanjian pinjaman dan perjanjian jaminan telah dilaksanakan pada 12 Julai 1997. Selain dari itu, pinjaman tersebut juga dijamin dengan cagaran yang berupa gadaian oleh plaintif 1 ke atas tanah-tanah miliknya yang dipegang di bawah:

i) Geran 40037, Lot 3049 Mukim 12 Daerah Seberang Perai Utara, Butterworth;

ii) Geran 40036, Lot 3025 Mukim 12, Daerah Seberang Perai Utara, Butterworth;

iii) G.M No. 1146, Lot 3054 Mukim 12, Daerah Seberang Perai Utara, Butterworth.

Gadaian telah dimasukkan ke atas lot-lot tanah tersebut pada 18 Julai 1997 dan 19 Julai 1997.

Suatu pertelingkahan telah wujud di antara defendan dan plaintif, mengenai kemudahan pinjaman tersebut dan juga mengenai bayaran faedah yang didakwa oleh defendan sebagai tertunggak. Defendan telah memfailkan tuntutan terhadap kedua-dua plaintif di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur melalui Guaman No: D4-22-2200-1998 dan seterusnya pada 3 Januari 2000 berjaya memperolehi perintah di bawah A. 14 k. 3, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang dibuat oleh penolong kanan pendaftar, di mana penghakiman terus dicatatkan menyebelahi defendan untuk:

i) Wang RM6,351,988.57 setakat 30 Jun 1998;

ii) Faedah selanjutnya dan faedah pembayaran lewat dari 1 Julai 1998 sehingga 3 Januari 2000;

iii) Faedah selanjutnya dan faedah bayaran lewat dari 3 Januari 2000 sehingga tarikh penyelesaian penuh; dan

iv) Kos.

Pada 5 Januari 2000, plaintif 1 telah memfailkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar terhadap keputusan penolong kanan pendaftar itu dan rayuan tersebut telahpun ditetapkan untuk pendengaran pada 29 November 2000.

Pada 23 Mac 2000 defendan telah menyerahkan kepada plaintif 1, notis di dalam borang 16D di bawah s. 254 Kanun Tanah Negara menuntut bayaran wang sebanyak RM7,789,724.66 setakat 23 Mac 2000 atas dakwaan bahawa plaintif 1 telah melakukan kemungkiran ke atas peruntukan-peruntukan gadaian untuk pinjaman berkenaan. Mengikut notis 16D tersebut, sekiranya bayaran tidak dibuat dalam tempoh 1 bulan, defendan akan memohon perintah jualan ke atas lot-lot tanah berkenaan. Di samping itu, pada 8 Jun 2000 defendan telah menyerahkan notis di bawah s. 218 Akta Syarikat 1965 kepada kedua plaintif 1 dan 2 memberi tempoh 21 hari bagi kedua-dua plaintif untuk membayar jumlah RM7,968,665.74 (setakat 8 Jun 2000), jika tidak kedua-dua plaintif di anggap tidak berupaya membayar hutangnya (deemed to be unable to pay the debt), dan defendan akan memulakan prosiding penggulungan ke atas kedua-dua plaintif.

Dalam pada itu, pada 16 Jun 2000 defendan telah memfailkan satu saman pemula di Mahkamah Tinggi 4, Pulau Pinang (Guaman Sivil No. 24-1041-2000) terhadap plaintif untuk memulakan tindakan halang tebus (foreclosure) ke atas tanah-tanah plaintif 1 yang telah digadaikan kepada defendan berkaitan pinjaman berkenaan. Pada 30 Jun 2000, kedua-dua plaintif telah memfailkan saman dalam kamar untuk penangguhan pelaksanaan penghakiman penolong kanan pendaftar di dalam kes No. D4-22-2200-1998 mengenai penghakiman terus yang dibuat pada 3 Januari

2000, sementara menunggu keputusan rayuan terhadapnya yang akan dibuat oleh hakim pada 29 November 2000. Saman dalam kamar tersebut dijangka akan didengar pada 8 Ogos 2000.

Pada tarikh yang sama juga (30 Jun 2000), kedua-dua plaintif telah memfailkan saman pemula dan saman dalam kamar *ex parte* secara berasingan terhadap defendan di mahkamah ini (iaitu kedua-dua kes dihadapan kita sekarang) antara lain, untuk memohon satu injunksi menghalang defendan samada melalui dirinya sendiri atau menerusi ejennya atau pekerja atau wakilnya daripada mengemukakan dan/atau mendakwa dan/atau menyampaikan dan/atau mengiklankan satu petisyen penggulungan terhadap kedua-dua plaintif berdasarkan notis bertarikh 8 Jun 2000 yang diserahkan kepada kedua-dua plaintif selaras dengan s. 218 Akta Syarikat 1965 sehingga perintah selanjutnya. Pada 7 Julai 2000 mahkamah ini telah memberikan perintah injunksi *ex parte* yang dipohon dan menetapkan 18 Julai 2000 untuk pendengaran *inter-parties.* Pada 18 Julai 2000 peguam defendan memohon penangguhan untuk membolehkan defendan memfailkan afidavit jawapan dan membantah permohonan-permohonan tersebut. Pendengaran *inter-parties* telah ditangguhkan kepada 1 Ogos 2000 dan tempoh kuatkuasa injunksi bertarikh 7 Julai 2000 telah dilanjutkan sehingga 1 Ogos 2000 dengan persetujuan kesemua pihak. Memandangkan isi kandungan permohonan kedua-dua plaintif di dalam saman dalam kamar (kandungan 5) dan saman pemula (kandungan 1) masing-masing adalah serupa, peguam plaintif setuju untuk hanya meneruskan permohonan dalam saman pemula plaintif-plaintif berkenaan.

Hujah Peguam Plaintif 1 dan 2

Peguam Encik Michael Teo, mewakili kedua-dua plaintif, telah menghujahkan, antara lain, tindakan defendan untuk menggulung kedua-dua plaintif adalah tidak munasabah, *mala fide* dan penyalahgunaan proses mahkamah. Menurut beliau, tujuan sebenar defendan menyerahkan notis di bawah s. 218 Akta Syarikat 1965 kepada kedua-dua plaintif ialah untuk mengenakan tekanan ke atas kedua-dua plaintif untuk membayar jumlah wang yang dituntut. Beliau menyatakan begitu kerana terdapat rayuan kepada hakim dalam kamar terhadap penghakiman terus yang diberikan oleh penolong kanan pendaftar dan akan didengar pada 29 November 2000. Di samping itu terdapat juga remedi alternatif yang lebih sesuai dan memadai bagi defendan, selain daripada menggulungkan kedua-dua plaintif. Peguam merujuk kepada sekuriti gadaian ke atas tiga lot hartanah plaintif 1 yang dicagarkan bagi pinjaman tersebut dan prosiding halang tebus (foreclosure) mengenainya yang telahpun difailkan oleh defendan di Mahkamah Tinggi 4, Pulau Pinang pada 16 Jun 2000. Peguam plaintif juga menghujahkan,

sekiranya defendan meneruskan tindakan penggulungan ke atas kedua-dua plaintif, ianya akan mengakibatkan kerugian yang tidak dapat dipulihkan (irreparable damage) ke atas kedua-dua plaintif. Peguam juga menghujahkan bahawa kedua-dua plaintif tidak sama sekali mengabaikan (neglected) untuk membayar jumlah yang dituntut di dalam notis s. 218 yang diserahkan kepada kedua-dua plaintif. Katanya, plaintif tidak membayar jumlah yang dituntut sebab plaintif percaya mereka ada alasan yang munasabah dan kemungkinan mereka akan berjaya di dalam rayuan mereka kepada hakim dalam kamar yang akan didengar pada 29 November 2000. Plaintif juga telah pun memfailkan permohonan untuk penangguhan pelaksanaan penghakiman terhadap penghakiman terus yang dibuat oleh penolong kanan pendaftar (yang akan didengar pada 8 Ogos 2000).

Hujah Peguam Defendan

Peguam defendan, antara lain, menghujahkan permohonan injunksi oleh kedua-dua Plaintif dibuat selepas tamat tempoh 21 hari dari tarikh notis di bawah s. 218 diberikan iaitu 8 Jun 2000. Tempoh 21 hari tersebut berakhir pada 29 Jun 2000 sedangkan saman pemula (kandungan 1) kedua-dua plaintif difailkan pada 30 Jun 2000 iaitu sehari selepas 29 Jun 2000. Dengan itu, secara teknikal, pada ketika itu kedua-dua plaintif telah disifatkan sebagai tidak mampu membuat pembayaran bagi jumlah yang dituntut. Akibatnya kedua-dua plaintif adalah terhalang untuk memohon satu relif injunksi terhadap defendan bagi menghalang defendan meneruskan prosiding penggulungan plaintif. Peguam defendan berpendapat bahawa plaintif hanya boleh memohon perintah penangguhan prosiding petisyen penggulungan di bawah s. 222 Akta Syarikat 1965, itu pun di peringkat selepas defendan memfailkan petisyen penggulungan terhadap plaintif dan bukannya melalui perintah injunksi di peringkat ini.

Berhubung dengan permohonan injunksi peguam defendan menghujahkan ianya tidak boleh dibenarkan kerana:

a) Plaintif gagal untuk mengemukakan sebarang alasan atau merit bagi menyokong permohonannya untuk mendapatkan relif yang bersifat injunktif;

b) Plaintif juga gagal untuk menyatakan atau memberi sebarang bukti bahawa jika prosiding penggulungan tidak digantungkan ianya adalah bertentangan dengan kepentingan perniagaan sejagat dan dari segi prinsip moral;

c) Plaintif juga gagal untuk menyatakan di dalam permohonannya butir-butir penghakiman terus dan tarikh penghakiman terus tersebut, dibuat, yang mana plaintif ingin menghalang defendan daripada meneruskan tuntutannya berdasarkan peghakiman terus tersebut melalui prosiding penggulungan syarikat.

Peguam defendan juga menghujahkan bahawa rayuan pihak plaintif terhadap penghakiman terus bertarikh 3 Januari 2000 di dalam kes Guaman No: D4-22-2200-1998 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, yang akan didengar pada 29 November 2000, tidak boleh digunakan sebagai alasan oleh plaintif untuk tidak membayar wang yang terhutang di dalam penghakiman terus tersebut. Peguam defendan juga menyatakan bahawa tidak ada bukti untuk menunjukkan defendan ingin mengenakan tekanan ke atas plaintif dan tidak ada bukti bahawa defendan telah melakukan tindakan yang menyalahi prosedur s. 218 Akta Syarikat 1965, melakukan penyalahgunaan proses mahkamah dan berniat *mala fide*. Di samping itu peguam defendan juga menimbulkan tentang prayer 1, di dalam saman pemula kedua-dua plaintif (kandungan 1) di mana permohonan injunksi yang dipohon oleh plaintif tidak mempunyai tarikh penamatnya - seolah-olah perintah injunksi itu akan berkuatkuasa buat selama-lamanya. lni akan merugikan defendan secara berterusan.

lsu-Isu Yang Perlu Di Pertimbangkan

Berdasarkan keterangan dan hujah-hujah yang dibuat oleh peguam-peguam, saya berpendapat isu-isu berikut perlu dipertimbangkan di dalam membuat keputusan samada permohonan relif injunksi oleh kedua-dua plaintif boleh dibenarkan atau tidak. Isu-isu tersebut adalah seperti berikut:

i) Samada plaintif terhalang daripada mengambil tindakan untuk relif injunksi sekiranya permohonan di buat selepas tempoh 21 hari yang ditetapkan di dalam notis s. 218;

ii) Samada plaintif perlu mengambil tindakan untuk menangguh prosiding petisyen penggulungan di bawah s. 222 Akta Syarikat 1965 selepas defendan memulakan prosiding tersebut dan bukannya dengan memohon perintah injunksi seperti yang dipohon sebelum perintah itu;

iii) Samada penyerahan notis s. 218 Akta Syarikat 1965 dalam kes ini merupakan tindakan yang tidak munasabah, *mala fide* dan penyalahgunaan proses serta merupakan satu tekanan ke atas kedua-dua plaintif untuk membayar bayaran yang dituntut;

iv) Samada plaintif telah mengabaikan (neglected) untuk membayar tuntutan yang dibuat melalui notis s. 218(2)(a) Akta Syarikat 1965;

v) Samada suatu rayuan berkuatkuasa sebagai penggantungan prosiding termasuk prosiding penggulungan syarikat;

vi) Samada terdapat isu serius yang *bona fide* perlu dibicarakan;

vii) Mahkamah perlu menimbangkan imbangan kesenangan atau imbangan keadilan dengan mengambil kira isu-isu yang relevan seperti - kesan-kesan ke atas kedua-dua pihak plaintif dan defendan sekiranya perintah injunksi dibenarkan dan sebaliknya; samada terdapat remedi alternatif yang lebih bersesuaian dan memadai bagi defendan jika perintah injunksi tidak dibenarkan.

lsu samada plaintif terhalang daripada mengambil tindakan untuk relif injunksi memandangkan permohonan tersebut dibuat selepas tempoh 21 hari yang ditetapkan di dalam notis s. 218 adalah berkaitan rapat dengan isu samada plaintif telah mengabaikan (neglected) untuk membayar tuntutan berkenaan. Seksyen 218(2)(a) Akta Syarikat 1965 (setakat yang relevan) menyatakan:

> and the company has for three weeks thereafter **neglected** to pay the sum....

Berdasarkan peruntukan di atas, saya berpendapat bahawa bagi membolehkan sesuatu syarikat dianggap sebagai tidak berupaya membayar hutangnya atau tidak solven, bukan sahaja perlu dibuktikan tempoh 21 hari dari tarikh notis s. 218 di serahkan, telah berlalu tetapi sebagai tambahan, perlu juga dibuktikan bahawa syarikat tersebut telah 'mengabaikan' (neglected) daripada membayar hutang berkenaan dalam tempoh tersebut. Istilah "neglected" di dalam konteks membayar hutang telahpun diterjemahkan di dalam kes: *Re London & Paris Banking Corporation* [1874] 19 Eq. 444 di mana Jessel MR telah mengatakan:

> the word "neglected" is not necessarily equivalent to the word "omitted". Negligence is a term which is well-known to the law. Negligence in paying debt on demand, as I understand it, is omitting to pay without reasonable excuse. Mere omission by itself does not amount to negligence.

Kes: *Ng Tai Tuan v. Chng Gim Huat Pte. Ltd.* [1991] 1 MLJ 338 telah mengikut pendapat di dalam kes *Re London Paris Corporation (supra)* di mana telah diputuskan:

> The important word in this section is the word "neglected". Mere omission to pay a debt on demand does not of itself constitute neglected to do so within the meaning of that provision. The word "neglected" necessarily implies some element of fault.

Sehubungan dengan ini saya juga ingin memetik sebahagian artikel bertajuk *"Winding-Up A Company On Inability To Pay Debts"* oleh Wong Kim Fatt [1988] 3 MLJ di mana beliau mengatakan:

> The words "neglected to pay the sum" appearing in Section 218(2)(a) of the Act must be construed in their ordinary meaning. Neglecting to pay a debt implies a want of care in paying a debt without any valid reason. If a company has, to use the familiar expression, a *bona fide* dispute, or, its equivalent expression, a dispute on substantial grounds (not frivolous grounds) on the debt in question, it cannot be said that is has neglected to pay its debt within the scope of Section 218(2)(a) of the Act.

Di dalam kes yang dihadapi sekarang, saya berpendapat bahawa kedua-dua plaintif walaupun telah tidak membayar hutang yang dituntut oleh defendan melalui notis s. 218 dalam tempoh 21 hari, tetapi mereka tidak di anggap telah mengabaikan (neglected) daripada membayar hutang tersebut. Kedua-dua plaintif mempunyai alasan yang munasabah (reasonable excuse) di dalam tidak membayar tuntutan tersebut kerana pada masa notis s. 218 diserahkan kepada mereka pada 8 Jun 2000, kedua-dua plaintif telahpun memfailkan notis rayuan terhadap keputusan penghakiman terus yang dibuat oleh penolong kanan pendaftar pada 3 Januari 2000 di mana rayuan tersebut telahpun ditetapkan untuk didengar oleh hakim dalam kamar pada 29 November 2000. Selain dari itu, defendan telah juga memfailkan prosiding halang tebus (foreclosure) terhadap tanah-tanah yang dicagarkan untuk pinjaman berkenaan di Mahkamah Tinggi 4, Pulau Pinang pada 16 Jun 2000 (masih dalam tempoh 21 hari dari tarikh 8 Jun 2000). Oleh itu 'anggapan' bahawa plaintif telah tidak berupaya membayar hutangnya mengikut peruntukan s. 218(2)(a) Akta Syarikat 1965 dalam kes ini telah dapat disangkal dan dipatahkan. Di dalam mencapai keputusan di atas mengenai isu tersebut, saya telah mengambil maklum kes-kes: *Kong Long Huat Chemicals Sdn Bhd v. Raylee Industries Sdn. Bhd* [1988] 6 MLJ 330; *TAC Construction & Trading v. Bennes Engineering Bhd (No. 2)* [1992] 2 CLJ 518; dan *Cornhill Insurance Plc. v. Improvement Services Ltd.* [1986] 1 WLR 114, yang telah dirujuk kepada saya oleh peguam defendan. Namun demikian terdapat perbezaan yang material di dalam fakta kes-kes tersebut dengan kes yang dihadapi sekarang.

Isu seterusnya ialah samada plaintif patut menunggu defendan memfailkan prosiding penggulungan terhadap plaintif dan di dalam prosiding tersebut mereka patut membuat permohonan penangguhan prosiding di bawah s. 222 Akta Syarikat 1965 dan bukannya melalui permohonan perintah injunksi di peringkat ini. Peguam defendan merujuk kepada keputusan Abdul Malik Ishak J di dalam kes: *TAC Construction & Trading v. Bennes Engineering Bhd (No. 2) (Supra)* di mana dikatakan:

> now, in the present case, what the Defendant should have done was simply to apply for a stay of winding-up proceedings after the Plaintiff has commenced winding-up proceedings against the Defendant. Section 222 of the Companies Act 1965 provides the answer.

Saya fikir keputusan di atas dibuat di dalam konteks fakta yang berbeza dengan fakta dalam kes ini. Di dalam kes tersebut di atas, pihak defendan telah memfailkan saman dalam kamar memohon perintah 'penangguhan pelaksanaan' termasuk penangguhan semua prosiding berkaitan notis s. 218 oleh plaintif sehingga selesai rayuan defendan di Mahkamah Rayuan. Mahkamah telah menolak permohonan tersebut dengan alasan prosiding penggulungan syarikat tidak termasuk di dalam bidang prosiding pelaksanaan atau writ pelaksanaan dan seterusnya mencadangkan kepada defendan bahawa defendan patut membuat permohonan penangguhan prosiding tersebut di bawah s. 222 Akta Syarikat 1965, bila plaintif memfailkan prosiding penggulungan. Cadangan tersebut mungkin tidak begitu tepat untuk dipakai di dalam kes ini kerana dalam kes ini plaintif memohon perintah injunksi dan bukannya perintah penangguhan pelaksanaan. Tidak ada salahnya di sisi undang-undang jika plaintif dalam kes ini memohon perintah injunksi untuk menghalang defendan daripada mengemukakan dan/atau mendakwa dan/atau menyampaikan dan/atau mengiklankan satu petisyen penggulungan terhadap plaintif. Aturan 29 k. 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi membenarkan sesuatu permohonan perintah injunksi dibuat oleh mana-mana pihak sebelum atau selepas perbicaraan sesuatu kes - malahan di dalam keadaan yang 'urgent' permohonan tersebut boleh dibuat secara *ex parte* iaitu semasa writ atau saman pemula belum lagi difailkan di mahkamah. Sehubungan dengan ini saya bersetuju dengan peguam bagi kedua-dua plaintif bahawa sebarang pengemukaan, pendakwaan, penyampaian dan pengiklanan petisyen penggulungan (walaupun belum dibicara dan diputuskan) akan mengakibatkan kesan yang amat mudarat ke atas plaintif-plaintif dan menyebabkan kerosakan yang tidak boleh dipulihkan dengan ganti rugi kepada reputasi plaintif-plaintif. Oleh itu adalah sangat wajar dan kena pada tempat dan keadaannya bagi plaintif-plaintif memohon perintah injunksi di peringkat ini dan tidak menunggu di peringkat pendengaran petisyen penggulungan setelah ianya difail dan diiklankan. Shankar J. di dalam kes: *Ng Ah Kway v. Tai Kit Enterprise Sdn. Bhd.* [1986] 1 MLJ 58 pernah mengatakan: "a petition for winding-up of a company is a serious matter as it affects the reputation of the company". Di dalam "*Buckley on the Companies Act 1984* - 13th edn." di ms. 451 ada dinyatakan:

> Great damages may obviously be done to a solvent company by a winding-up petition presented by an unreasonable creditor, whose debt the company are able and willing to pay if established, but to whom they *bona fide* believed they are not indebted.

Isu seterusnya ialah samada penyerahan notis s. 218 dalam kes ini merupakan tindakan yang tidak munasabah, *mala fide* dan penyalahgunaan proses serta merupakan satu tekanan ke atas plaintif untuk membayar hutang yang dituntut.

Di dalam kes ini, defendan tahu terdapatnya rayuan terhadap penghakiman terus bertarikh 3 Januari 2000 dan akan didengar pada 29 November 2000. Notis rayuan tersebut telah diserahkan kepada defendan pada 25 Februari 2000. Defendan juga telah menyerahkan borang 16D bagi ketiga-tiga lot tanah yang dicagarkan. Berikutan dengan itu defendan telah juga memfailkan saman pemula di Mahkamah Tinggi 4, Pulau Pinang untuk tujuan halang tebus (forceclosure) tanah-tanah tersebut. Nilai pasaran tanah-tanah tersebut ialah RM12,910,000 (mengikut laporan penilaian di eks. "KSY-4" di dalam kandungan 3), sedangkan jumlah tuntutan defendan hanya RM7,968,665.74. Dalam keadaan demikian, adalah tidak munasabah untuk menggulungkan kedua-dua plaintif. Niat defendan adalah *mala fide* dan tindakan tersebut merupakan penyalahgunaan proses. Saya yakin defendan mengetahui kekuatan tuntutannya dan defendan boleh memperolehinya melalui prosiding halang tebus (foreclosure) yang telahpun difailkan. Dalam keadaan ini defendan tetap ingin memulakan prosiding penggulungan plaintif-plaintif di mana kesannya ialah untuk 'membunuh' entiti plaintif-plaintif dan menyebabkan kerosakan yang tidak boleh dipulihkan ke atas plaintif-plaintif. Inilah yang dikatakan tidak munasabah, *mala fide*, menyalahgunakan proses serta merupakan satu tekanan ke atas plaintif untuk membayar tuntutan tersebut.

Di dalam kes: *In re A Company* [1894] 2 Ch 349 yang diikuti di dalam kes *Bina Satu Sdn. Bhd. v. Tan Construction* [1988] 1 MLJ 533, Vaughan Williams J, telah memutuskan:

> where a petition against a company is presented ostensibly for a winding up order, but really for another purpose, such as putting pressure on a company, the court had an inherent jurisdiction to prevent such an abuse of process and will do so, without requiring an action to be commenced, by restraining the advertisement of the petition, and staying all proceedings upon it.

Di dalam kes: *Re Bellador Silk Ltd.* [1965] 1 All ER 667, Plowman J. telah mengatakan:

> A petition which is launched not with the genuine object of obtaining the relief claimed, but with the object of exercising pressure in order to achieve a collateral purpose is, in my judgment, an abuse of the process of the court, and it is primarily on that ground I would dismiss this petition.

Prinsip serupa juga telah dibentangkan oleh Lord Denning di dalam kes: *Goldsmith v. Sperrings Ltd* [1972] 2 All ER 566 dimana beliau menyatakan:

> In a civilised society, legal process is the machinery for keeping order and doing justice. It can be used properly or it can be abused. It is used properly when it is invoked for the vindication of men's right or the enforcement of just claims. It is abused when it is diverted from its true course so as to serve extortion or oppression; or to exert pressure so as to achieve an improper end. When it is so abused it is a tort, a wrong known to the law. The Judges can and will intervene to stop it. They will stay the legal process, if they can, before any harm is done.

Peguam defendan menghujahkan bahawa defendan sebagai kreditor berhak untuk mengambil apa sahaja prosiding di mahkamah untuk mendapatkan bayaran hutangnya terhadap plaintif. Untuk itu beliau merujuk kepada kes: *Low Lee Lian v. Ban Hin Lee Bank Bhd.* [1997] 2 CLJ 36 ms. 56.

Saya bersetuju dengan peguam plaintif bahawa keputusan di dalam kes itu tidak terpakai kepada kes yang dihadapi sekarang. Di dalam kes tersebut mahkamah membincangkan remedi-remedi yang wujud kepada kreditor berdasarkan apa yang terkandung di dalam perjanjian-perjanjian berkaitan dengan pinjaman kewangan seperti cagaran statutori, tuntutan terhadap peminjam prinsipal dan tuntutan terhadap penjamin. Kes tersebut tidak langsung menimbulkan soal mengenai prosiding penggulungan yang saya percaya tidak terkandung dalam dokumen-dokumen pejanjian berkaitan dengan kes itu.

Isu seterusnya ialah samada terdapat isu serius yang *bona fide* perlu dibicarakan setelah menimbangkan keseluruhan fakta yang dikemukakan dalam kes ini. Untuk membolehkan mahkamah membenarkan relif injunksi yang dipohon, plaintif perlu membuktikan, antara lain, bahawa terdapat isu serius yang *bona fide* perlu dibicarakan. (lihat kes-kes: *Keet Gerald Francis Noel John v. Mohd. Noor bin Abdullah* [1995] 1 CLJ 293; dan *MBF Holdings Bhd. v. East Asiatic Co (Malaysia) Bhd.* [1995] 4 CLJ 73).

Di dalam kes yang dihadapi sekarang, asas tuntutan yang dibuat oleh defendan terhadap kedua-dua plaintif adalah berdasarkan kepada jumlah yang dinyatakan di dalam penghakiman terus di bawah A. 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang dibuat oleh penolong kanan pendaftar pada 3 Januari 2000 di dalam Kes No: D4-22-2200-1998. Dua hari selepas keputusan tersebut (iaitu pada 5 Januari 2000) plaintif telah memfailkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mempertikaikan penghakiman tersebut. Rayuan tersebut akan didengar pada 29 November 2000. Rayuan tersebut, walaupun bukan

merupakan satu penggantungan prosiding pelaksanaan secara automatik, ianya cukup untuk memuaskan mahkamah bahawa tuntutan berkenaan adalah dipertikaikan secara *bona fide* dan bukannya merupakan pertikaian yang kosong semata-mata. Ini merupakan satu isu serius yang *bona fide* perlu dibicarakan.

Peguam defendan juga menghujahkan bahawa rayuan yang dibuat oleh plaintif terhadap penghakiman terus berkenaan bukan merupakan satu penangguhan atau penggantungan prosiding pelaksanaan secara automatik dan ianya tidak boleh digunakan oleh plaintif sebagai alasan untuk tidak membayar hutang di bawah penghakiman terus tersebut. Untuk menyokong hujah di atas, peguam defendan telah merujuk kepada A. 56 k. 1(4) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang memperuntukkan:

> Except so far as the Court may otherwise direct, an appeal under this rule shall not operate as a stay of the proceedings in which the appeal is brought.

Beliau juga merujuk kepada kes: *Wu Shu Chen (Sole Executrix of the Estate of Goh Keng How, Deceased) v. Raja Zainal Abidin bin Raja Hussin* [1996] 2 CLJ 353 di mana telah diputuskan:

> it is now trite that an appeal does not operate automatically as a stay of execution... unless the court so order.

Saya amat bersetuju dengan peruntukan dan keputusan di atas. Plaintif dalam kes ini tidak boleh **secara automatik** menganggap rayuannya yang difailkan pada 5 Januari 2000 boleh merupakan penangguhan atau penggantungan terhadap penghakiman terus yang dibuat pada 3 Januari 2000. Plaintif perlu dan patut membuat pemohonan di mahkamah untuk penangguhan/penggantungan pelaksanaan terhadap penghakiman terus tersebut. Di dalam kes ini, permohonan tersebut telahpun difailkan secara saman dalam kamar di mahkamah berkenaan pada 30 Jun 2000 dan dijangka akan didengar pada 8 Ogos 2000.

Terdapat dua prosiding yang berkaitan perlu diambil kira di dalam mempertimbangkan permohonan ini:

i) rayuan kepada Hakim Dalam Kamar terhadap keputusan peghakiman terus bertarikh 3 Januari 2000 yang akan didengar pada 29 November 2000; dan

ii) permohonan saman dalam kamar untuk penangguhan/penggantungan pelaksanaan penghakiman terus tersebut.

Sekiranya suatu injunksi seperti yang dipohon tidak dibenarkan oleh mahkamah, defendan akan meneruskan prosiding penggulungan terhadap kedua-dua Plaintif. Jika ini berlaku, maka kedua-dua rayuan dan permohonan yang tersebut di atas akan menjadi sia-sia kerana setelah digulung, kedua-dua plaintif tidak dapat meneruskan rayuan dan permohonannya dan tidak boleh dihidupkan kembali untuk menikmati hasil rayuan dan permohonannya.

Sesuatu hutang yang hendak digunakan untuk tujuan prosiding penggulungan syarikat perlulah terlebih dahulu ditetapkan dan diputuskan secara sahih sebelum prosiding penggulungan dimulakan. Prosiding penggulungan tidak boleh dimulakan sekiranya hutang berkenaan dipertikaikan secara *bona fide*. Di dalam kes: *In re Ban Hoong Co Ltd* [1959] 1 MLJ 100, Rigby J telah menyatakan:

> It is well - settled law that a winding up petition is not to be used as machinery to try a common law action and that the presentation of a petition for a winding-up simply with a view to enforcing payment of a disputed debt is an abuse of the process of the court and should be dismissed with cost.

Oleh itu di dalam kes ini, plaintif-plaintif perlu diberi peluang untuk didengar rayuannya mengenai penghakiman terus tersebut, untuk menentusahkan hutang yang dituntut, sebelum defendan boleh memulakan prosiding penggulungan terhadap mereka. Mengenai perkara ini saya suka memetik ungkapan yang digunakan oleh Mohd. Ghazali bin Mohd. Yusof J di dalam kes: *Metal Reclaimation (Industries) Sdn. Bhd. v. JRC Tenaga Sdn. Bhd.* [2000] 6 CLJ Supp 290, yang berbunyi:

> For the court to proceed to hear the winding-up petiton without giving the Respondent an opportunity to appeal on the finding of the court in relation to the debt would be unthinkable

Untuk menyokong pendapat di atas, saya juga ingin memetik keputusan Gopal Sri Ram HMR di dalam kes: *See Teow Guan & Ors. v. Kian Joo Holdings Sdn. Bhd & Ors* [1997] 2 CLJ 299 yang berbunyi:

> In my judgment, the paramount consideration governing an application for a stay, whether of execution or of proceedings, or in the case of an application for some other form of interim preservation of the subject matter of an appeal, **such as the grant of an injunction** or other appropriate relief under Section 44 (1) of the Courts of Judicature Act, 1964, is that the appeal to this court, if successful, should not be rendered nugatory. If upon balancing all the relevant factors, this court came to a conclusion that an appeal would be rendered nugatory without the grant of a stay or other interim preservation order, then, it should normally direct a stay or grant an appropriate *interim* relief that has the effect of maintaining the *status quo.*

Setelah memutuskan terdapatnya isu serius yang *bona fide* perlu dibicarakan, saya perlu menimbangkan imbangan kesenangan atau imbangan keadilan di mana letaknya keadilan di dalam kes ini, setelah mengambil kira semua hal perkara yang relevan, termasuklah realiti kes ini secara praktik - iaitu menimbangkan tentang mudarat yang akan timbul jika permohonan injunksi diluluskan berbanding dengan mudarat yang akan timbul jika permohonan injunksi ditolak. Sekiranya didapati plaintif akan menanggung ketidakadilan yang lebih besar jika permohonannya ditolak, injunksi patut dibenarkan, terutamanya jika mahkamah berpuas hati bahawa plaintif berkemampuan memenuhi akujanjinya membayar gantirugi. Sebaliknya jika didapati defendan akan menanggung ketidakadilan yang lebih besar jika injunksi dibenarkan, permohonan injunksi perlu ditolak. Garis panduan ini telah dinyatakan dengan jelas sekali oleh Mahkamah Rayuan dalam kes: *Keet Gerald Francis Noel John v. Mohd. Noor bin Abdullah (supra)*. Di dalam kes tersebut, Gopal Sri Ram HMR menyatakan:

> Hakim bicara hendaklah sedar bahawa injunksi adalah remedi budibicara, dimaksudkan untuk memelihara *status quo,* sementara menunggu perbicaraan; oleh itu hakim bicara hendaklah mengambil kira kuasa budibicaranya, misalnya samada terdapat kelambatan membuat permohonan, samada gantirugi satu remedi gantian yang memadai, dan soal-soal kepentingan awam.

Seperti apa yang dialami oleh syarikat-syarikat di negara ini sebelum ini, plaintif juga menerima bahang kegawatan ekonomi yang melanda negara baru-baru ini. Namun demikian dengan pemulihan ekonomi yang sedang di alami sekarang ini, plaintif telah, pada 16 Mei 2000 membuat satu permohonan kepada Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara untuk mengubah syarat tanah-tanah yang telah digadaikan kepada defendan daripada syarat pertanian kepada perumahan dan perniagaan (salinan surat permohonan tersebut dilampirkan sebagai eks. "KSY-5"). Tindakan ini jika diluluskan akan menaikkan nilai hartanah tersebut. Sebaliknya jika defendan memulakan prosiding penggulungan terhadap plaintif, projek tersebut akan terbantut dan permohonan plaintif untuk membangunkan hartanah tersebut akan terjejas. Telah disebutkan di atas bahawa petisyen untuk menggulung sesebuah syarikat yang masih beroperasi (seperti kedua-dua plaintif dalam kes ini) adalah merupakan satu perkara serius yang menjejaskan reputasi dan operasi syarikat tersebut. Sekiranya plaintif bercadang untuk melaksanakan projek perumahan di atas hartanahnya, tindakan penggulungan akan mengusir pembeli-pembeli yang berhajat untuk membeli rumah-rumahnya. Needham J. di dalam kes *K & G Bradica Pty Ltd. v. Audi Constructions Pty Ltd* [1983-1984] A CLR 112, pernah menyatakan:

a

> the allegation that it is unable to pay a debt would in my opinion, be damaging to the credit of the Defendant company; and I have no doubt that in the case of a trading company, the issuing of a summon to wind it up can be assumed to be damaging to it.

b Kesan buruk ke atas plaintif-plaintif tidak akan dapat dinilai dan dipulihkan sekiranya petisyen penggulungan terhadapnya difail dan diiklankan oleh defendan.

c Sebaliknya jika perintah injunksi diluluskan dan dikeluarkan terhadap defendan, satu keadaan *status quo* akan dikekalkan sehingga isu mengenai pertikaian hutang berkenaan dapat ditentu dan diputuskan oleh mahkamah. Plaintif akan berpeluang untuk meneruskan rayuannya dan jika berjaya, plaintif akan dapat menikmati 'kemenangan' rayuannya. Defendan tidak akan diprejudiskan kepentingannya berkaitan dengan tuntutan yang dibuat terhadap plaintif. Plaintif telah membuat akujanji untuk mematuhi apa-apa perintah yang mungkin dibuat oleh mahkamah mengenai gantirugi yang mungkin dialami oleh defendan disebabkan oleh pemberian injunksi sekiranya, mahakmah, selepas ini, berpendapat bahawa injunksi yang dipohon tidak patut dibenarkan. Nilai pasaran hartanah yang dimiliki oleh plaintif 1 seperti yang dinilai oleh Tetuan Rahim & Co (Valuers & Property Consultants) (eks. "KSY-4") ialah sebanyak RM12,910,000, jauh lebih tinggi dari nilai hutang kepada defendan yang berjumlah RM7,789,724.66. Akujanji tersebut bukan merupakan satu akujanji yang kosong. Ianya boleh dipenuhi jika keadaan memerlukan.

f Selain daripada akujanji tersebut, defedan juga mempunyai remedi alternatif yang lebih sesuai dan memadai, selain daripada tindakan menggulung syarikat plaintif. Hutang berkenaan (kalaupun dapat disahkan) adalah berkaitan dengan satu pinjaman bercagarkan tiga lot hartanah milik plaintif 1 dan tertakluk kepada perjanjian-perjanjian yang berkaitan yang ditandatangani pada 12 Julai 1997 (eks. "A-1" dan "A-2", kandungan 10). Defendan mempunyai remedi alternatif dengan menguatkuasakan cagaran tersebut melalui prosiding halang tebus (foreclosure). Sesungguhnya defendan telahpun memulakan prosiding halang tebus tersebut di Mahkamah Tinggi 4, Pulau Pinang melalui Saman Pemula No: 24-1041-2000 yang difailkan pada 16 Jun 2000. Nilai pasaran hartanah tersebut adalah mencukupi dan memadai untuk menampung hutang yang dituntut.

h Di dalam kes: *Keet Gerald Francis Noel John v. Mohd. Noor bin Abdullah (supra),* Gopal Sri Ram HMR, telah menjelaskan:

> Accordingly, the Judge would be entitled to take into account all discretionary considerations, such as delay in the making of the application or a*ny adequate alternative remedy that would satisfy the Plaintiff's equity, such as an award of monetary compensation in the event that he succeed in establishing his claim at the trial.*

Di dalam kes: *Charles Forte Investments Ltd. v. Amanda* [1964] 1 Ch. 240, telah diputuskan:

> ... the winding-up petition is misconceived even if the allegations contained in it could be substantiated having regard to the existence of an alternative and more suitable remedy. It is to be observed that by bringing an action the Defendant, if he has a good case, could not only more easily obtain what he is really after, but he could do so without incurring the risk of inflicting damage, possibly irreparable damage, on the company, and possibly also on other innocent shareholders. In those circumstances it seems to me that that is an additional reason for holding that the injunction which is sought ought to be granted.

Remedi alternatif yang terbuka kepada defendan dalam kes ini ialah untuk menguatkuasakan hak-haknya di bawah perjanjian pinjaman bertarikh 12 Julai 1997 (eks. "A-1" kandungan 10) berkaitan dengan penguatkuasaan cagaran ke atas hartanah berkenaan melalui prosiding halang tebus (foreclosure). (Klaus 14.02 dan 14.03 perjanjian tersebut berkaitan). Itulah remedi yang lebih sesuai dan telah dipersetujui sejak awal oleh semua pihak kepada perjanjian pinjaman berkenaan.

Berdasarkan pertimbangan-pertimbangan di atas, saya berpuashati bahawa imbangan kesenangan atau imbangan keadilan lebih memihak kepada plaintif-plaintif dalam kes ini. Oleh itu, saya berpendapat bahawa kes ini adalah merupakan satu kes yang patut dan sesuai untuk diluluskan perintah injunksi yang dipohon oleh kedua-dua plaintif terhadap defendan.

Prayer 1 di dalam kedua-dua saman pemula bagi kedua-dua plaintif tidak menyatakan had tempoh atau tarikh penamat perintah injunksi yang dipohon – seolah-olah perintah injunksi yang dipohon akan berkuatkuasa buat selama-lamanya. Peguam defendan membantah perkara ini kerana ianya akan merugikan defendan secara berterusan. Pada hemat saya, walaupun tempoh had masa berkuatkuasa perintah injunksi yang dipohon tidak dinyatakan di dalam prayer (1) saman pemula masing-masing, namun daripada kandungan afidavit-afidavit plaintif jelas menunjukkan perintah injunksi tersebut dipohon sehingga selesai rayuan yang difailkan terhadap keputusan penghakiman terus yang dibuat oleh penolong kanan pendaftar pada 3 Januari 2000. Alasan utama plaintif di dalam permohonan ini ialah

kerana hutang yang dituntut oleh defendan telah dipertikaikan oleh mereka melalui rayuan tersebut. Isu-isu serius yang *bona fide* dalam kes ini perlu diputuskan semasa pendengaran rayuan tersebut kelak. Oleh itu, di bawah prayer 4 di dalam tiap-tiap saman pemula berkenaan di mana plaintif memohon "relif selanjutnya atau lain-lain arahan yang difikirkan sesuai oleh mahkamah", mahkamah memerintahkan agar perintah injunksi yang dibenarkan hendaklah berkuatkuasa sehingga selesai pendengaran rayuan kes Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Guaman No. D4-22-2200-1998 terhadap keputusan penghakiman terus yang dibuat oleh penolong kanan pendaftar pada 3 Januari 2000.

Mengenai prayer 2 pula, pada asalnya plaintif memohon satu injunksi menghalang defendan atau wakilnya daripada menyampaikan kepada plaintif sebarang notis selaras dengan s. 218 Akta Syarikat 1965 berdasarkan penghakiman terus berkenaan. Namun demikian semasa pendengaran peguam plaintif bersetuju tidak meneruskan prayer tersebut. Kandungan perintah di dalam prayer 1 adalah mencukupi. Oleh itu, tiada apa-apa perintah dibuat berkaitan prayer 2.

Keputusan

Berdasarkan kedudukan di atas, mahkamah membuat perintah-perintah berikut:

i) Defendan samada melalui dirinya atau menerusi ejen atau pekerja atau wakilnya adalah dihalang oleh suatu injunksi daripada mengemukakan dan/atau mendakwa dan/atau menyampaikan dan/atau mengiklankan satu petisyen penggulungan terhadap kedua-dua Plaintif di dalam kes No: D9-24-147-2000 dan D9-24-146-2000 berdasarkan notis bertarikh 8 Jun 2000 yang telah diserahkan kepada kedua-dua plaintif selaras dengan s. 218 Akta Syarikat 1965, sehingga selesai pendengaran rayuan kes Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Guaman No: D4-22-2200-1998 terhadap keputusan penghakiman terus yang telah dibuat oleh penolong kanan pendaftar pada 3 Januari 2000;

ii) Kos yang ditanggung dan yang berkaitan dengan kedua-dua Saman Pemula berkenaan hendaklah kos dalam kausa.